

KERATAN: New Sabah Times

TARIKH: 6/1/2013

SAB-A1152/13 Fail Sejarah Sabah

M/S: 20

Detik-detik perjuangan Mat Salleh menentang British

OLEH CAROLINE MOSIGIL

MAT Salleh atau nama sebenarnya Datu Paduka Mat Salleh, merupakan pejuang Sabah yang terkenal dalam memberi tentangan yang hebat kepada penjajahan Inggeris di Sabah suatu ketika dahulu.


Pada ketika itu, Mat Salleh juga pernah mengisytiharkan daerah Tambunan atau dalam bahasa Mat Salleh iaitu 'Negeri Tambunan', sebagai daerah di bawah pemerintahan dan penguasaanya.

Beliau berasal daripada suku kaum Dusun Suluk di sebelah pihak ayahnya dari Kampung Lingkabau, Sugut dan ibunya berketurunan Bajau-Dusun Inanam, yakni telah menjadi ikon kepada etnik-etnik lain di Sabah. Ini terbukti bahawa para pengikutnya terdiri daripada pelbagai etnik antaranya Bajau, Brunei, Dusun, Murut, Irranun, Paitan dan Sungai.

Beliau berkahwin dengan tiga wanita. Isteri pertama ialah Dayang Bandang yang merupakan anak saudara kepada Sultan Jamalul Kiram, Sultan Sulu. Isteri kedua adalah merupakan seorang wanita legenda di kalangan penduduk Marudu iaitu Dayang Cahaya atau Aishah yang juga pernah menjadi isteri kepada Syarif Rum Syarif Osman. Syarif Rum merupakan pengganti kepada ayahandanya, Syarif Osman dan bertanggungjawab mempertahankan kota pertahanan di Marudu dari serangan British pada 19 Ogos 1845. Manakala isteri Mat Salleh yang ketiga adalah seorang gadis Tambunan. Hasil perkahwinan-perkahwinan terbabit, beliau telah dikurniakan beberapa orang anak lelaki dan perempuan.

Siri pertempuran dan penentangan Datu Paduka Mat Salleh, bermula apabila perbelanjaan bagi pentadbiran Datu Mat Salleh adalah hasil daripada pungutan cukai yang dikenakan ke atas pedagang-pedagang yang melalui Sungai Sugut pada tahun 1894. Akibat tidak senang dengan tindakan Mat Salleh itu, pihak Inggeris telah mengambil tindakan dengan menyerang Mat Salleh di Jambongan serta memusnahkan kubu Mat Salleh di Sungai Sugut pada tahun 1896 hingga 1897.

Namun demikian, Datu Paduka Mat Salleh bagaimanapun dapat melepaskan diri. Detik-detik perjuangan Datu Mat Salleh dalam usaha untuk menentang pencerobohan dan



keganasan Kompeni Hindia Timur Inggeris bermula pada bulan Julai 1897.

Selain itu, Datu Paduka Mat Salleh dan pengikut-pengikutnya bertindak untuk menyerang dan menghancurkan pejabat Pentadbiran Kompeni Hindi Timur Inggeris di Pulau Gaya. Mat Salleh juga turut menyerang dan membakar Pejabat Residen Kompeni Hindia Timur Inggeris di Ambong pada tahun yang sama. Pada bulan Disember 1897, pihak Inggeris telah Mat Salleh yang terletak di Ranau. Namun demikian, mereka akhirnya tewas dalam menyerang kubu pertempuran tersebut dan ramai askar Inggeris yang terbunuh termasuk Jones yang mengetuai serangan itu.

Pada bulan Januari 1898, tanpa berputus asa Inggeris sekali lagi berusaha menyerang kubu Mat Salleh yang terletak di daerah Ranau dan kali ini dengan angkatan yang lebih besar. Dalam pertempuran itu, Mat Salleh berjaya mengundurkan diri dan membina kota pertahanan yang baharu, yang lebih kuat serta lebih kukuh di kampung Tibabar, Tambunan.

Setiap penjuru kota dikawal dan terdapat beberapa terowong atau jalan bawah tanah yang rahsia digunakan untuk meminta bantuan daripada segi senjata, makanan dan lain-lain dari luar kota. Jalan rahsia ini juga dijadikan sebagai jalan untuk berundur bagi menyelamatkan diri apabila dikepung dan diserang oleh musuh. Kejatuhan kota ini pada tahun 1900 akibat serangan hebat Kompeni Hindi Timur Inggeris dan berjaya mematahkan pertahanan Mat Salleh. Tambahan pula, peristiwa itu menandakan gugurnya Mat Salleh sebagai pejuang bangsa.


Kekalahan dan jatuhnya kubu terakhir Paduka Mat Salleh di Tambunan tidak melemahkan semangat perjuang-

gan pengikut-pengikutnya dalam usaha bagi menentang penguasaan British di Borneo Utara. Serangan demi serangan kemudiannya bertukar kepada pembunuhan kerana pengikut Paduka Mat Salleh seperti kehilangan punca kerana ketiadaan pemimpin yang berkarisma seperti beliau. Ramai pengikut Paduk Mat Salleh yang terkorban atau menyerah diri kepada pihak British antaranya iaitu Kamunta dan Sidek yang menyerah diri dan dihukum tembak.

Kini, sebuah tugu dibina oleh Inggeris untuk memperingati kota Mat Salleh. Tugu ini menandakan tapak kubu Mat Salleh yang telah ditawan oleh Pasukan Bersenjata North Borneo Constabulary pada 1 Februari 1900. Dalam masa pertempuran ketika itu, Mat Salleh yang telah mengetuai pemberontakan selama enam tahun menentang Pentadbiran Chartered Company menemui ajalnya pada 31 Januari 1900. Pada pandangan British, Mat Salleh dianggap sebagai seorang pemberontak, tetapi bagi rakyat tempatan, beliau adalah pejuang kemerdekaan dan seorang pahlawan yang berjuang untuk mempertahankan bangsa dan kawasannya.

Menjelang tahun 1915, SBBUB telah menguasai sepenuhnya negeri Sabah tanpa diganggu gugat oleh kebangkitan penduduk tempatan. Perjuangan Pak Musa di Membakut, Antanom di Rundum, Tenom dan Mat Ali iaitu adik kepada Mat Salleh di Pandasan, Kota Belud yang dianggap sebagai pahlawan pasca Paduka Mat Salleh antara tahun 1908 sehingga 1915 telah dipatahkan oleh pihak British dengan bantuan tali barut yang terdiri daripada penduduk tempatan yang lebih rela bertuan kepada bangsa British.


Kepahlawanan Paduka Mat Salleh dan para pejuang yang lain harus diambil iktibar bahawa kemerdekaan yang dikecapi oleh seluruh rakyat Sabah menerusi pembentukan Persekutuan Malaysia sejak tahun 1963 harus dipertahankan. Sebagai rakyat Sabah khasnya dan umumnya sebagai rakyat Malaysia perlu menanam rasa bersyukur dan berterima kasih atas nikmat yang diperolehi dan seterusnya bersama-sama menjaga keamanan negara. Sumber diperolehi daripada buku yang bertajuk "Datu Paduka Mat Salleh, Pahlawan Sabah (1894-1900) yang diterbitkan oleh Arkib Negeri Sabah.




JAKET yang dipercayai pernah dipakai oleh Datu Paduka Mat Salleh.



TUGU peringatan menandakan tapak kubu pertahanan Mat Salleh di Tambunan.



Bekas tapak kubu Mat Salleh di Bukit Pandanan Inanam.



PEDANG yang dihadiahkan oleh Mat Salleh kepada Cowie sebagai tanda damai.